



**BAB
DUA**

BAB 2 TINJAUAN KAJIAN BERKAITAN

2.0 Pendahuluan

Manusia adalah makhluk yang dicipta Allah dengan pelbagai kelebihan berbanding makhluk-makhluk lain seperti haiwan, tumbuhan dan sebagainya. Di antara kelebihan yang nyata ialah kebolehan manusia berbahasa yang jelas tidak dimiliki oleh makhluk-makhluk yang lain. Oleh itu kita boleh menyatakan bahawa bahasa adalah pelengkap kepada ciri-ciri kesempurnaan ciptaan manusia itu.

Manusia menyampai dan mewariskan ilmu dan pengetahuan menerusi bahasa. Kepintaran, budaya, nilai hidup, etika dan estetika juga diserlahkan melalui bahasa. Malah dengan bahasa manusia berkomunikasi, membina tamadun dan peradaban, dan menurunkannya dari generasi ke generasi. Jelas, bahawa bahasa sangat penting dalam penghidupan manusia.

Bagaimanakah manusia memperolehi bahasa? Menurut Mangantar Simanjuntak (1987), pemerolehan bahasa ialah proses-proses yang berlaku di dalam otak seorang kanak-kanak (bayi) sewaktu memperoleh bahasa ibundanya.

Isu mengenai pemerolehan bahasa ini telah menjadi bahan perdebatan hangat para sarjana dari dahulu hingga sekarang. Pertelaghan yang wujud mengenai bagaimakah sebenarnya manusia memperolehi bahasa telah menghasilkan pelbagai teori dan aliran. Dua aliran besar yang sangat berpengaruh dalam mengemukakan teori-teori berhubung permasalahan ini ialah behavioris dan mentalis. Tetapi, dalam disertasi ini penyelidik tidak akan membincangkan isu tersebut dengan panjang lebar kerana fokus penyelidik adalah terhadap pembelajaran bahasa kedua atau bahasa asing.

2.1 Pembelajaran Bahasa Kedua dan Bahasa Asing

Menurut Oxford (1990), terdapat perbezaan di antara pembelajaran bahasa kedua dan pembelajaran bahasa asing bergantung kepada di mana ia dipelajari dan apa fungsi-fungsi sosial dan komunikatif bahasa tersebut.

Brown, H (1987) mengatakan bahawa pembelajaran bahasa kedua merujuk kepada pembelajaran bahasa sasaran yang berlaku dalam *setting* budaya dan sosial bahasa sasaran tersebut. Misalnya pelajar-pelajar Melayu yang mempelajari bahasa Sepanyol di negara Sepanyol, atau belajar bahasa sasaran di negara sendiri tetapi bahasa sasaran tersebut telah digunakan dengan meluas sebagai media komunikasi, atau sebagai lingua franca, dan

digunakan dalam bidang pendidikan, pentadbiran, atau urusan perniagaan di dalam negara. Misalnya pembelajaran bahasa Inggeris di Filipina dan India.

Menurut Littlewood, W (1989), pembelajaran bahasa kedua ialah apabila pelajar bahasa sasaran menggunakan bahasa tersebut dalam komuniti mereka untuk fungsi-fungsi komunikatif. Manakala pembelajaran bahasa asing pula ialah apabila pelajar-pelajar bahasa sasaran mempelajari bahasa tersebut dalam budaya mereka sendiri dengan peluang yang terhad untuk menggunakannya dalam budaya dan persekitaran mereka. Misalnya pembelajaran bahasa Sepanyol di Malaysia. Pembelajaran bahasa asing juga bermaksud tidak ada fungsi-fungsi sosial dan komunikatif yang kukuh untuk bahasa sasaran tersebut di dalam komuniti pelajar, berbanding jika ianya digunakan dengan meluas di mana-mana.

Di dalam disertasi ini, istilah ‘pembelajaran bahasa kedua’ digunakan untuk merujuk kepada ‘pembelajaran bahasa asing’. Ini kerana penyelidikan perpustakaan menunjukkan bahawa proses pembelajaran bahasa kedua dan bahasa asing mempunyai persamaan.

2.2 Pemerolehan dan Pembelajaran Bahasa Kedua

Pemerolehan bahasa kedua agak berbeza daripada pemerolehan bahasa pertama kerana penguasaannya tidak berlaku secara semula jadi

tetapi ia didorong oleh berbagai-bagai motif seperti untuk mengelakkan pemencilan, memajukan kerjaya, meningkatkan ilmu pengetahuan dan sebagainya. (Zulkifley Hamid,1994)

Menurut Zulkifley Hamid (1996), bahasa kedua memiliki ciri-ciri seperti yang berikut:

1. Pembelajaran bahasa kedua berkait rapat dengan motivasi. Ini kerana individu mempunyai pilihan untuk samada belajar atau tidak belajar bahasa yang selain bahasa pertamanya.
2. Bahasa kedua bersifat meneroka, iaitu penguasaannya membolehkan individu atau negara terlibat secara aktif dalam aktiviti peringkat antarabangsa.
3. Penguasaan bahasa kedua lazimnya melibatkan pengajaran dan pembetulan dalam kedua-dua kemahiran, lisan atau tulisan.
4. Penguasaan bahasa kedua bergantung kepada pelbagai faktor.
5. Apa yang dipelajari menentukan apa yang dikuasai. Kadangkala yang dikuasai hanyalah aspek nahu.
6. Emosi tidak begitu memainkan peranan dalam pemerolehan bahasa kedua.
7. Penguasaan bahasa kedua lazimnya melibatkan perancangan yang teliti.
8. Pengetahuan bahasa kedua seseorang seringkalinya bersifat eksplisit.

9. Hanya sebahagian pelajar bahasa kedua sahaja yang berjaya menguasai kemahiran lisan pada tahap sepatutnya.

Senarai ciri-ciri di atas memperlihatkan bahawa, secara umumnya bahasa kedua dikuasai melalui proses pembelajaran, dan biasanya proses penguasaannya bergerak tahap demi tahap. Di samping itu, tidak semua yang mempelajari bahasa kedua mampu menguasai kemahiran berbahasa sepenuhnya.(Zulkifley Hamid, 1996)

Dalam ulasannya tentang pembelajaran bahasa kedua, Zulkifley (1996) telah mengkategorikan pandangan ahli-ahli bahasa terhadap bahasa kedua kepada tiga kategori yang menurut beliau ketiga-tiganya mengarah kepada sifat keduaan komponen bahasa (bahasa kedua). Ketiga-tiga kategori itu ialah:

- a) Memandang bahasa sebagai alat
- b) Memandang bahasa dari sudut pandangan motivasi
- c) Memandang bahasa secara pedagogi

a) Bahasa Sebagai Alat

Menurut Zulkifley (1996), ahli bahasa yang memandang bahasa kedua sebagai alat mengatakan bahawa pengajaran dan pembelajaran

sesuatu bahasa kedua itu adalah untuk mendapatkan kebolehan menggunakan bahasa tersebut secara praktikal, tanpa tujuan-tujuan yang lain. Bahasa kedua dianggap sebagai sejenis alat yang berguna untuk mencapai pelbagai objektif. Dalam hal ini Zuikifley telah mengemukakan pandangan Stevens (1965:5) iaitu, ‘...tujuan pengajaran dan pembelajaran bahasa kedua adalah memperoleh kebolehan berbahasa secara praktikal, dan bukannya mempelajari bidang-bidang kesusastraan dan kebudayaan yang lebih luas ...’.

b) Bahasa dari Sudut Pandangan Motivasi

Sementara itu menurut Zulkifley (1996), golongan yang memandang bahasa dari sudut pandangan motivasi pula mengatakan bahawa dorongan dalaman atau motivasilah yang telah mencetuskan minat dan kesungguhan untuk seseorang itu mempelajari dan menguasai bahasa kedua.

c) Bahasa Secara Pedagogi

Golongan ketiga pula memandang bahasa dari sudut pedagogi. Menurut Zulkifley, ahli-ahli bahasa dari golongan ketiga yang terdiri daripada ahli-ahli pendidikan bahasa telah memformulakan beberapa pendekatan untuk dimanfaatkan dalam bidang pembelajaran dan pengajaran bahasa. Dalam hal ini beliau telah mengemukakan pendapat Widdowson

yang telah mengenangkan konsep ‘*usage*’(pengetahuan) dan ‘*use*’(penggunaan). Menurut Widdowson dua aspek yang terlibat dalam pengajaran bahasa kedua ialah, pertama pengajaran sistem-sistem bahasa secara statik, dan kedua pengajaran kemahiran menggunakan bahasa secara aktif. Bagi Widdowson, seseorang itu sebenarnya belum menguasai bahasa tersebut sepenuhnya jika yang dihafal hanyalah rumus-rumus tatabahasa tetapi tidak dapat menerapkan pengetahuannya dalam dunia sebenar. Ini kerana pengetahuan bahasa terdiri daripada dua bentuk, iaitu pengetahuan tentang (struktur) dan pengetahuan tentang penggunaannya mengikut konteks. Menurut Zulkifley, pandangan yang dikemukakan oleh Widdowson itu mengarah kepada pengajaran bahasa yang berciri dwikomponen iaitu nahu dan kecekapan berbahasa.

Berdasarkan tiga pandangan di atas, Zulkifley (1996) menyimpulkan bahawa, bahasa terdiri daripada dua komponen, iaitu pengetahuan tatabahasa dan kecekapan berbahasa, dan kedua-dua komponen tersebut harus wujud dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa kedua. Di samping itu, ia juga membayangkan bahawa kejayaan dalam pembelajaran bahasa kedua ditentukan oleh banyak faktor seperti motivasi, sikap, strategi, masalah-masalah yang timbul dalam pembelajaran dan pengajaran, dan sebagainya.

Selain daripada Zulkifley Hamid, beberapa orang pengkaji tempatan yang lain juga telah mengemukakan pandangan mereka berhubung dengan pembelajaran bahasa kedua dan perbezaannya dengan pemerolehan bahasa pertama.

Menurut Mangantar Simanjuntak (1987), pemerolehan bahasa ialah proses-proses yang berlaku di dalam otak seorang kanak-kanak (bayi) sewaktu memperoleh bahasa ibundanya. Pembelajaran bahasa pula menyangkut proses-proses yang berlaku pada waktu seseorang sedang mempelajari bahasa baru selepas dia telah selesai memperoleh bahasa ibundanya. Dengan kata lain, pembelajaran bahasa melibatkan bahasa kedua atau bahasa asing.

Menurut Jamaliah Mohd Ali (1991:59-60), proses pemerolehan bahasa pertama tidak dapat dielakkan (*inevitable*) tetapi tidak ada '*inevitability*' tentang pembelajaran bahasa kedua. Proses pemerolehan bahasa pertama dianggap sebagai satu proses pembesaran semula jadi bagi seorang kanak-kanak. Manakala pembelajaran bahasa kedua hanya bermula apabila proses pembesaran itu telahpun sempurna.

Abdullah Hassan (1987) pula mengatakan bahawa terdapat perbezaan yang besar antara memperolehi bahasa pertama dan mempelajari bahasa kedua. Pemerolehan bahasa pertama berlaku di kalangan kanak-

kanak secara tidak formal. Kanak-kanak tidak perlu diajar, apa yang perlu ialah pendedahan kepada bahasa dan mereka akan pandai dengan sendirinya. Bahasa kedua pula terpaksa dipelajari dan hanya berkembang melalui latihan dan pengukuhan. Di samping itu menurutnya lagi, rancangan dan kaedah tertentu serta dorongan dan sikap yang sihat diperlukan untuk belajar dengan berkesan.

Berdasarkan pandangan di atas, jelas bahawa pembelajaran bahasa kedua lazimnya berlaku dalam situasi yang formal di mana butir-butir bahan pengajaran telah dirancang dan disesuaikan mengikut keperluan pelajar. Sebaliknya, pembelajaran bahasa ibunda berlaku dalam keadaan yang tidak formal dan secara semula jadi, di mana kanak-kanak terdedah kepada unsur-unsur bahasa yang berbagai bentuk dan gaya secara tidak dirancang. Dalam hal ini Azman Wan Chik (1982) menjelaskan bahawa:

'... mereka tidak terpaksa merempuh rimba bahasa untuk memilih, mencuba dan menentukan yang mana satu pola bahasa tersebut dan yang mana satu bukan, aspek-aspek ini semuanya telah dikawal.'

Sementara itu, pengkaji-pengkaji luar negara telah lama menjalankan penyelidikan berhubung dengan pembelajaran bahasa kedua dan menghasilkan pelbagai andaian, pandangan dan ulasan mengenainya. Malah, pandangan dan buah fikiran inilah yang dijadikan dasar oleh para pengkaji

tempatan untuk menjalankan penyelidikan, seterusnya menghasilkan pula pelbagai pandangan mengenainya.

Sesetengah sarjana berpendapat bahawa proses pembelajaran bahasa kedua adalah lebih mudah kerana kesukaran dan liku-liku yang wujud semasa proses pemerolehan bahasa ibunda telah ditempuhi. Menurut Corder (1976) dalam Kamsiah (1984), proses pembelajaran bahasa kedua hanyalah satu penyesuaian ataupun pengembangan kemahiran-kemahiran dan juga pengetahuan yang sedia ada; bukan pembelajaran semula kemahiran-kemahiran baru sama sekali.

Ada juga sarjana yang berpendapat bahawa proses pembelajaran bahasa kedua dan bahasa pertama sebenarnya adalah sama. Ervin-Tripp (1973) seperti yang dikemukakan oleh Kamsiah (1984) berpendapat bahawa dalam banyak perkara proses pembelajaran bahasa kedua dan bahasa pertama adalah sama. Corder (1973) pula, menyatakan bahawa yang berbeza adalah pelajar, guru dan data linguistik, tetapi tidak bermakna bahawa proses pembelajaran juga berbeza.

it is the circumstances (learner, teacher, and linguistic data) in which learning takes place that are different. It does not necessarily follow for that reason that the process of learning are different. (Corder, 1973 dalam Kamsiah, 1984)

Menurut Gass dan Selinker (1994:4), lazimnya pemerolehan bahasa kedua merujuk kepada pembelajaran bahasa yang selain daripada bahasa kandung yang telah diperolehi. Ia juga boleh merujuk kepada pembelajaran bahasa ketiga atau bahasa yang keseterusnya. Fakta yang penting ialah ia merujuk kepada pembelajaran sesuatu bahasa selepas pemerolehan bahasa ibunda. Ia juga bermaksud pemerolehan di dalam situasi bilik darjah dan kekadang situasi tidak formal yang mendapat pendedahan semulajadi.

Hartman (1972) dalam Puteri Roslina (1998) pula, menyatakan bahawa pembelajaran bahasa merujuk kepada pemerolehan bahasa kandung atau bahasa asing oleh manusia. Menurut beliau lagi, penguasaan bahasa boleh dipercepatkan melalui pembelajaran '*trial and error*'.

Para sarjana sering menggunakan istilah yang berlainan untuk menghuraikan proses pemerolehan bahasa kedua dan bahasa pertama. Lyon (1987) menggunakan istilah 'penguasaan' (*acquisition*) untuk proses yang menghasilkan pemerolehan bahasa pertama, dan 'pembelajaran' (*learning*) untuk proses yang menghasilkan pembelajaran bahasa kedua.

McLaughlin (1987), membezakan kedua-dua istilah pemerolehan dan pembelajaran bahasa. Menurut beliau, bahasa disifatkan sebagai diperoleh apabila ia berlaku secara tidak formal dalam persekitaran semula jadi seperti di tempat awam, pergaulan dengan jiran dan sebagainya. Bahasa

dikatakan dipelajari apabila pembelajaran berlangsung dalam keadaan formal di dalam kelas atau di bilik darjah.

Namun, pandangan yang paling kontroversi berhubung dengan pembelajaran bahasa kedua telah dikemukakan oleh Krashen (1977, 1981, 1982, 1985, 1992, 1993, 1997). Krashen (1982) mengutarakan teori pengajaran bahasa kedua yang dikenali sebagai '*The Creative Construction Theory*'. Teori ini dikembangkan melalui dapatan-dapatan kajian daripada pelbagai bidang. Model Monitor Krashen terdiri daripada lima hipotesis utama seperti berikut:

1. **Hipotesis Pemerolehan-Pembelajaran.** Krashen mendakwa bahawa pelajar bahasa kedua yang dewasa mempunyai dua pendekatan untuk menguasai bahasa sasaran. Pertama, ialah 'pemerolehan' iaitu proses pemerolehan bahasa secara intuitif dan berlangsung dalam keadaan separuh sedar, sama seperti proses yang dilalui oleh kanak-kanak sewaktu memperolehi bahasa pertamanya. Kedua, ialah 'pembelajaran' iaitu proses yang berlaku secara sedar di mana pelajar meneliti bentuk-bentuk bahasa, memahami peraturan-peraturan dan secara umumnya menyedari proses-proses yang berlaku. Menurut Krashen, kemahiran dalam bahasa kedua adalah berpuncak daripada apa yang diperolehi, bukan daripada apa yang dipelajari.

2. **Hipotesis Monitor.** Menurut Krashen, monitor adalah alat yang digunakan oleh pelajar untuk menyunting perlaksanaan bahasa mereka. Krashen (1988) menyatakan bahawa kemahiran yang dimiliki oleh pengguna bahasa dan pertimbangan intuitif mengenai pembetulan dalam sesuatu bahasa adalah berpunca daripada sistem yang diperolehi (*acquired system*) yang mencetuskan ujaran penutur, sementara sistem yang dipelajari (*learned system*) berperanan sebagai penapis atau penyaring kepada apa yang '*acquired system*' telah hasilkan. Ada tiga syarat untuk membolehkan monitor berfungsi iaitu; masa yang mencukupi, fokus terhadap bentuk dan pembetulan, dan pengetahuan mengenai hukum dan peraturan-peraturan bahasa.

3. **Hipotesis Aturan Semula jadi.** Krashen mendakwa bahawa peraturan-peraturan bahasa diperolehi dalam turutan yang natural dan boleh diramal. Hipotesis ini juga mengatakan bahawa sebahagian peraturan diperolehi dahulu sementara yang lain diperolehi kemudian. Peraturan-peraturan yang mudah tidak semestinya diperolehi dahulu.

4. **Hipotesis Input.** Hipotesis ini menyatakan bahawa syarat penting untuk sesuatu pemerolehan bahasa berlaku ialah pelajar memahami input bahasa yang mengandungi bentuk-bentuk dan struktur yang

melebihi sedikit daripada tahap kecekapan yang telah dimiliki. Misalnya jika pelajar berada di tahap ‘i’, input yang difahami harus mengandungi ‘i + 1’. (Krashen 1981:100)

5. **Hipotesis Penapis Afektif.** Krashen selanjutnya mendakwa bahawa pemerolehan yang terbaik akan berlaku dalam persekitaran di mana keimbangan adalah rendah dan pertahanan adalah mantap. Beliau mendakwa bahawa penapis akan beroperasi apabila pelajar-pelajar berada dalam keadaan tertekan atau tidak bermotivasi, dan sebaliknya penapis tidak akan berfungsi jika pelajar-pelajar berada dalam keadaan ‘*relax*’ dan bermotivasi.

Berdasarkan kepada huraian dan penjelasan di atas, jelas bahawa proses pembelajaran dan penguasaan bahasa kedua berlainan daripada bahasa pertama. Pemerolehan bahasa kedua agak berbeza daripada pemerolehan bahasa pertama kerana penguasaannya berlaku secara terancang dan ditentukan oleh banyak faktor seperti sikap, motivasi, strategi dan sebagainya. Manakala bahasa pertama dikuasai oleh kanak-kanak dalam keadaan semulajadi sebagai sebahagian daripada proses pembesarannya.

2.3 Umur Untuk Pembelajaran Bahasa Kedua

Pembelajaran bahasa kedua atau bahasa asing sering dikaitkan dengan mereka yang sudah dewasa, atau mereka yang melebihi umur lima tahun, dan pembelajaran berlaku dalam keadaan formal dan terancang.

Dalam hal ini Abdullah Hassan (1996 : 76) mengatakan bahawa:

Dalam proses menjadi dwibahasa ini, yang lebih diutamakan ialah proses pembelajaran bahasa kedua oleh mereka yang sudah dewasa, atau oleh mereka yang melebihi umur lima tahun, apabila pembelajaran sesuatu bahasa asing itu tidak lagi berlaku secara semulajadi.

Bahasa kedua itu lazimnya dipelajari apabila seseorang itu sudah mahir dalam bahasa pertamanya dan seringkali terdapat bahawa pelajar bahasa kedua itu adalah lebih tua usianya berbanding dengan pelajar bahasa pertama. Fakta mengenai usia seseorang itu adalah penting kerana ciri-ciri yang berkaitan dengan proses penyuburan seseorang seperti perkembangan emosi dan kognitif yang matang, dijangka mempengaruhi pembelajaran bahasa kedua. (Jamaliah Mohd Ali, 1991:60)

Jamaliah (1991) melaporkan bahawa Krashen (1975) telah membuat beberapa hipotesis yang menyatakan bahawa pembelajaran bahasa kedua

oleh pelajar-pelajar dewasa ‘mungkin tidak akan lengkap’ oleh kerana pelajar-pelajar tersebut ingin memahami bahasa secara sedar. Beliau berpendapat bahawa pelajar-pelajar bahasa kedua yang dewasa seringkali menggunakan dua sistem yang bebas untuk menguasai bahasa tersebut. Pertama diperolehi (*acquired*) iaitu bahasa kedua yang diperolehi mengikut proses yang mana ciri-cirinya sama dengan proses pemerolehan bahasa pertama terutamanya yang terdapat di kalangan kanak-kanak dan kedua ialah bahasa kedua yang dipelajari (*learned*) di mana iaanya berkembang secara sedar dan selalunya di dalam situasi formal.

Kebanyakan sarjana berpendapat bahawa proses pembelajaran sesuatu bahasa akan menjadi lebih sukar jika tempoh masa kritikal¹ telah dilalui. Selepas tempoh ini pembelajaran bahasa tidak lagi dapat berlaku melalui keadaan semula jadi tetapi harus melalui proses pembelajaran secara formal. (Zulkifley Hamid, 1994)

Menurut Steinberg (1990), umur optimum untuk pembelajaran bahasa kedua berubah-ubah bergantung kepada dua faktor utama iaitu; 1) keupayaan intelek, ingatan, dan kemahiran motor pelajar; dan 2) jenis keadaan pembelajaran, semula jadi atau bilik darjah.

¹ Para sarjana telah berbeza pendapat tentang penentuan umur berakhirnya masa kritikal. Ada yang mengatakan permulaan baligh, sebahagiannya mengatakan pada umur lapan atau sembilan tahun dan sebagahiannya pula mengatakan pada umur dua belas tahun.

Walaupun pembelajaran bahasa kedua sering dikaitkan dengan suasana formal dan terancang dan pelajar-pelajarnya sering dikaitkan dengan mereka yang lebih tua usianya berbanding dengan pelajar bahasa pertama, tetapi para sarjana berpendapat yang bahasa kedua juga boleh dikuasai dalam keadaan semulajadi dengan syarat seseorang itu belum melangkaui umur kritisalnya. Misalnya, seorang kanak-kanak yang mengikut kedua ibu bapanya menetap di luar negara boleh menguasai bahasa kedua melalui pergaulannya sehari-hari dengan rakan sebaya dan penduduk setempat tanpa melalui pembelajaran formal. Oleh yang demikian bolehlah dikatakan bahawa bahasa kedua boleh dipelajari melalui keadaan semulajadi atau melalui keadaan terancang.

Suasana pembelajaran bahasa melalui keadaan semulajadi dan melalui keadaan terancang amat berbeza antara satu sama lain. Dalam hal ini Steinberg (1982:166) menggariskan lima ciri keadaan pembelajaran terancang bahasa kedua yang membezakannya dengan keadaan semulajadi seperti yang berikut:

- 1) Tekanan psiko-sosio bilik darjah. Suasana pembelajaran di bilik darjah memerlukan pelajar menyesuaikan diri kepada pembelajaran berkumpulan, disiplin dan tatacara bilik darjah.
- 2) Data bahasa dipilih sebelum diajar. Umumnya guru memperkenalkan butir-butir bahasa sasaran yang dipilih

- sebelumnya. Kurikulum terancang dipatuhi dan guru cuba menyempurnakan objektif-objektif tertentu pengajaran bahasa.
- 3) Rumus-rumus nahu dipaparkan. Bahasa pertama mungkin digunakan untuk menerangkan struktur bahasa kedua.
 - 4) Keadaan dibuat-buat dan terhad. Penggunaan bahasa kedua dalam bilik darjah adalah terhad dari segi keragamannya dan ruang lingkupnya berbanding dengan pembelajaran di luar bilik darjah.
 - 5) Penggunaan alat bantuan pendidikan dan tugas. Untuk pengajaran dan mencapai objektif guru, maka buku, kerja tulisan, ataupun makmal bahasa dan lain-lain digunakan.

Berdasarkan kepada lima ciri tersebut adalah wajar jika dikatakan bahawa pemerolehan bahasa kedua akan melalui perkembangan yang berbeza-beza bergantung kepada keadaan pembelajaran yang diterapkan.

Daripada hal di atas jelaslah bahawa umur adalah penting dan menjadi antara faktor yang mempengaruhi proses pemerolehan dan pembelajaran bahasa kedua. Huraian di atas juga menjelaskan bahawa bahasa kedua boleh dipelajari melalui dua cara; pertama melalui keadaan semula jadi iaitu sebelum tempoh masa kritikal tamat, dan kedua melalui keadaan terancang iaitu selepas tamatnya tempoh masa kritikal.

2.4 Bahasa Antarabahasa (*Interlanguage*)

Dalam proses mempelajari bahasa, kesilapan adalah sesuatu yang lumrah dan tidak dapat dielakkan. Corder (1967), menyatakan bahawa pelajar yang didedahkan dengan data bahasa sasaran akan membentuk versi tatabahasa bahasa sasarannya sendiri. Corder juga berpendapat bahawa kesalahan-kesalahan bahasa yang dilakukan oleh pelajar tidak harus dilihat sebagai satu tanda gangguan bahasa ibunda, tetapi sebagai jelmaan kepada sistem yang digunakan oleh pelajar untuk membina hipotesis berhubung dengan sifat bahasa yang dipelajarinya. Malah menurut Corder, kesilapan adalah merupakan satu strategi membina yang digunakan oleh pelajar untuk menguasai bahasa kedua. Kanak-kanak juga dikatakan menggunakan strategi ini dalam proses pemerolehan bahasa pertamanya. Dalam hal ini Corder (1981) menjelaskan,

'The making of errors then is a strategy employed both by children acquiring their mother tongue and by those learning a second language.'
(Corder, 1981 : 11)

Di antara teori yang terkenal bagi menjelaskan tentang strategi yang digunakan oleh pelajar bahasa kedua dalam proses pembelajaran bahasa keduanya adalah teori sistem bahasa antarabahasa (*interlanguage*). Teori ini telah diperkenalkan oleh Selinker pada tahun 1972. Pelajar bahasa kedua, dalam proses mereka mempelajari dan menguasai bahasa keduanya

dikatakan mempunyai struktur bahasa mereka yang tersendiri dan bersifat sistematis yang tidak menyerupai struktur bahasa pertama dan tidak pula menyamai struktur bahasa sasaran.

Corder menamakan bahasa antarabahasa sebagai '*transitional competence*', manakala '*approximative system*' adalah gelaran yang diberikan oleh Nemser (1975) terhadap sistem bahasa antarabahasa ini.

Sementara itu, Selinker menyifatkan sistem bahasa antarabahasa sebagai peringkat peralihan dan akan sentiasa mengalami perubahan dan perkembangan semasa berlangsungnya proses pembelajaran dan penguasaan bahasa kedua.

Selanjutnya, Selinker (1972) menyatakan bahawa proses perkembangan bahasa antarabahasa melibatkan lima perkara penting, iaitu:

- i. Proses penguasaan bahasa kedua mengalami gangguan bahasa ibunda.
- ii. Kesalahan yang berlaku dalam bahasa ibunda akan berulang dalam bahasa kedua.
- iii. Pelajar akan menghafal sistem dan hukum nahu bahasa kedua dan mengaplikasikannya bagi menghindar kesalahan. Unsur-unsur yang

- mudah dalam bahasa kedua akan kerap digunakan berbanding unsur-unsur yang sukar.
- iv. Pelajar akan menggunakan strategi komunikasi bahasa kedua seperti yang digunakan oleh penutur natif semasa berkomunikasi.
 - v. Pelajar melakukan generalisasi berlebihan terhadap bahasa kedua.

Richards (1974) pula, menampilkkan konsep pemendapan (*fossilization*) untuk menerangkan tentang hubungkait di antara proses pembelajaran bahasa kedua dengan bahasa antarabahasa. Menurut Richards, di dalam diri setiap pelajar wujud keadaan yang dinamakan sebagai pemendapan unsur-unsur bahasa, hukum nahu dan apa juar sistem yang berkait dengan bahasa ibunda. Kewujudan bahasa antarabahasa adalah akibat daripada kemunculan semula unsur-unsur yang mendap ini sewaktu seseorang pelajar mempelajari bahasa kedua. Disebabkan oleh keadaan itu maka bahasa antarabahasa dikatakan bersifat unik dan tersendiri.

Richards membahagikan sistem bahasa antarabahasa kepada tiga peringkat seperti berikut:

a) Peringkat Prasistematik

Pada peringkat ini pelajar melakukan kesalahan secara rambang dan tidak dapat membetulkannya kerana belum memahami dan menguasai sistem bahasa kedua.

b) Peringkat Sistematik

Pelajar pada peringkat ini, telah menguasai sedikit sistem dan peraturan bahasa kedua tetapi masih tidak dapat membetulkan kesalahan kerana belum menguasainya secara menyeluruh. Kesalahan yang dilakukan agak seragam dan pelajar sudah dapat menerangkan tentang penggunaan sistem bahasa kedua ini secara sedikit-sedikit.

c) Peringkat Pasca Sistematik

Pada peringkat ini, pelajar telah mula menguasai bahasa kedua. Pelajar boleh membetulkan kesalahan dan dapat menerangkan sedikit sebanyak tentang tatabahasa bahasa kedua. Namun begitu, adakalanya pelajar melakukan kesalahan kerana terlupa.

Kesimpulannya, ‘antarabahasa’ adalah sistem bahasa yang terbentuk dalam minda pelajar bahasa kedua yang sedang dalam proses menguasai bahasa keduanya. Ia bersifat dinamis dan sistematis serta berkembang secara berperingkat-peringkat bermula dari peringkat prasistematik, sistematik, dan pasca sistematik.

2.5 Motivasi dalam Pembelajaran Bahasa Kedua

Atkinson et al. (1983:283), dalam Zulkifley Hamid (1996) menyatakan,

'motivasi ialah faktor-faktor yang memberi tenaga dan arah kepada tingkah laku. Seseorang individu yang bermotivasi akan terlibat secara lebih aktif dan dengan lebih berkesan berbanding dengan individu yang tidak bermotivasi.'

Jelas dibayangkan daripada petikan di atas bahawa motivasilah kunci kepada minat dan kesungguhan seseorang dalam melakukan sesuatu termasuklah dalam hal mempelajari bahasa kedua.

Seterusnya, Zulkifley telah mengemukakan pandangan Brown (1980:112) semasa membincangkan kesan motivasi terhadap pembelajaran bahasa kedua iaitu:

Motivasi sering dinilai semasa menghuraikan kegagalan atau kejayaan melakukan sesuatu tugas yang sukar... Hal ini sebenarnya tidak keterlaluan kerana banyak kajian dalam bidang pembelajaran membuktikan motivasi sebagai kunci pembelajaran.

Menurut Gardner (1985) pula, motivasi merujuk kepada:

...the combination of effort plus desire to achieve the goal of learning the language. That is, motivation to learn a second language is seen as referring to the extent to which the individual works or strives to learn the language because of a desire to do so and the satisfaction experienced in this activity.

Harmer (1983) dalam Jamali Ismail (1992:1072), mengemukakan perbezaan antara dua jenis motivasi, iaitu motivasi ekstrinsik dan motivasi intrinsik. Motivasi ekstrinsik tertumpu kepada faktor-faktor di luar bilik darjah manakala motivasi intrinsik pula tertumpu kepada perkara-perkara yang berlaku di dalam bilik darjah.

Motivasi ekstrinsik terbahagi kepada dua jenis, iaitu motivasi instrumental dan motivasi integratif. Menurut Gardner dan Lambert (dlm. Brown, 1980:114-115), motivasi integratif merujuk kepada pembelajaran sesuatu bahasa kedua dengan tujuan untuk memasukkan diri ke dalam masyarakat bahasa tersebut serta dapat diterima sebagai sebahagian daripada masyarakat tersebut. Sebagai contoh, seorang pelajar Melayu yang bahasa ibundanya bahasa Melayu, telah mempelajari bahasa Sepanyol dengan tujuan untuk bertutur dan bergaul dengan masyarakat penutur bahasa berkenaan. Manakala motivasi instrumental pula merujuk kepada pembelajaran bahasa kedua yang bermatlamatkan yang lain daripada matlamat integrasi seperti untuk memajukan diri dalam bidang kerjaya, melanjutkan pelajaran, mencari pekerjaan dan sebagainya. Sebagai contoh, seorang pelajar yang mempelajari bahasa Sepanyol kerana ingin menjadi penterjemah yang berjaya yang memiliki pandapan yang lumayan.

Manakala menurut Hamer (1983) dalam Jamali Ismail (1992:1072), motivasi intrinsik pula merujuk kepada beberapa faktor yang mempengaruhi proses pembelajaran ketika dalam bilik darjah, iaitu, antara lain:

- a. Keadaan fizikal bilik darjah (misalnya terang, luas, sempurna sistem pengaliran udaranya, cukup dengan kelengkapan yang semuanya memberikan keselesaan untuk belajar);
- b. Pengajaran guru (sejauh mana dapat menarik perhatian pelajar);
- c. Peribadi guru (setakat mana disenangi pelajar), dan sebagainya.

Daripada hal di atas, dapat disimpulkan bahawa motivasi penting dalam pembelajaran bahasa, khususnya bahasa kedua. Adalah dipercayai bahawa terdapat kaitan yang rapat antara sikap dan motivasi dengan pencapaian. Perbincangan selanjutnya, adalah mengenai sikap dan hubungannya dengan pembelajaran bahasa kedua.

2.6 Sikap dan Hubungannya dengan Pembelajaran Bahasa Kedua

Selain daripada motivasi, sikap juga penting dalam menentukan kejayaan dan kegagalan pembelajaran bahasa kedua. Kamus Linguistik (1982:152) mendefinisikan sikap sebagai ‘Posisi mental atau perasaan terhadap bahasa sendiri atau bahasa orang lain’.

Fishbein dan Ajtem (dlm. Els et al.1984 :116) seperti yang dipetik dari Zulkifley Hamid (1994) mendefinisikan sikap sebagai,

'Disposisi yang dipelajari tentang bagaimana untuk bergerak balas secara tetap, samada positif atau negatif terhadap sesuatu objek yang dihadapkan kepada organisma.'

Definisi sikap menurut Gardner (1998) pula ialah :

'...an evaluation reaction to some referent or attitude object, inferred on the basis of the individual's beliefs or opinions about referent.'

Simanek (1997) dalam Fuziah (2002), menerangkan sikap sebagai:

'attitude is a genuine desire to learn and the willingness to do hard intellectual work to achieve understanding'

Menurut Sa'adiah Ma'alip dan Maslida Yusuf (1997), secara umum, sikap bahasa adalah pandangan atau pegangan terhadap bahasa yang melibatkan diri seseorang. Sikap bahasa merupakan sebahagian daripada sikap pada amnya. Sikap bahasa mempunyai hubungan dengan pandangan atau pegangan seseorang atau masyarakat, sama ada positif atau negatif terhadap sesuatu bahasa.

Teo Kok Seong (1998) menyatakan bahawa sikap bahasa boleh ditakrifkan sebagai perasaan serta penilaian terhadap bahasa dan isu tentang bahasa sendiri, atau bahasa dan isu kebahasaan bahasa orang lain. Menurut Teo, sikap terhadap bahasa selalunya merupakan juga sikap terhadap mereka yang menuturkan bahasa itu.

Sementara itu, definisi klasik mengenai sikap diberikan oleh Allport (1935) yang menyatakan bahawa:

'An attitude is a mental and neural state of readiness, organized through experience, exerting a dynamic influence upon the individual's response to all objects and situations with which it is related'.

Sikap sering dikaitkan dengan motivasi. Malah dikatakan bahawa sikap seseorang terhadap sesuatu bahasa mempengaruhi motivasinya untuk belajar bahasa tersebut. Gleitman (1986:372) dalam Zulkifley Hamid (1994), semasa menghuraikan kepentingan sikap dalam menerbitkan dan mencorakkan sesuatu tingkah laku telah menerangkan sikap sebagai,

'Satu kombinasi yang terdiri daripada kepercayaan, tanggapan, penilaian dan sifat-sifat semulajadi yang menyebabkan seseorang itu bertindak dengan cara tertentu.'

Menurut Teo (1998), sikap bahasa, samada positif ataupun negatif, didapati mempunyai kesan yang amat mendalam ke atas mereka yang menutur atau menggunakannya. Satu daripadanya ialah yang berkaitan dengan usaha mempelajari bahasa lain, selain bahasa ibunda. Adalah didapati bahawa sikap positif boleh mempermudahkan lagi proses mempelajari bahasa lain.

Selanjutnya Teo (1998) melaporkan bahawa, banyak kajian yang dilakukan menunjukkan bahawa terdapat pertalian yang amat rapat antara:

- i. Sikap dengan pencapaian semasa mempelajari bahasa kedua:
Menurut Teo (1998), terdapat dua orientasi yang dikaitkan dengan pembelajaran bahasa iaitu 'integratif' dan 'instrumental'. Orientasi integratif merujuk kepada minat mempelajari bahasa untuk memudahkan lagi interaksi dengan komuniti bahasa berkenaan, yakni untuk berinteraksi dengan lebih berkesan dan berjaya dengan masyarakat yang menuturkan bahasa berkenaan. Manakala orientasi instrumental memberikan fokus pada aspek kegunaan dan penggunaan bahasa yang dipelajari itu. Menurut Teo lagi, sebagai contoh, untuk lulus dalam sesuatu peperiksaan atau sebagai syarat pengembangan kerjaya. Secara umumnya mereka yang mempunyai orientasi intergratif lebih bermotivasi semasa mempelajari bahasa berkenaan, lebih bersikap positif terhadap komuniti bahasa itu, dan

lebih fasih serta cekap dalam bahasa yang dipelajari, berbanding dengan mereka yang mempunyai orientasi instrumental.

- ii. Sikap dengan ketekunan semasa menguasai bahasa; Teo (1998) mengatakan bahawa sikap yang berkait rapat dengan pencapaian, didapati boleh mempengaruhi seseorang individu itu berikhtiar dengan lebih gigih lagi untuk menguasai bahasa yang dipelajarinya. Menurut Teo lagi, mereka yang tercicir dalam konteks ini, didapati mempunyai sikap negatif. Mereka yang mempunyai sikap positif didapati berjaya bertahan sehingga ke akhirnya. Sikap positif menurut Teo, boleh membantu para pelajar meningkatkan dan mengekalkan minat serta motivasi untuk terus menguasai bahasa berkenaan.
- iii. Sikap dengan tingkahlaku dalam kelas semasa mempelajari bahasa; Seterusnya menurut Teo, sikap didapati juga mempengaruhi cara para pelajar mendekati situasi bilik darjah semasa mempelajari bahasa berkenaan. Para pelajar yang mempunyai sikap yang positif dan orientasi intergratif lebih banyak menawarkan diri untuk menjawab, memberikan jawapan yang betul, menunjukkan minat yang tinggi, daripada mereka yang bersikap negatif dan mempunyai orientasi instrumental dalam mempelajari bahasa berkenaan.

Seterusnya, Teo menyimpulkan bahawa sikap bahasa boleh mempunyai kesan yang mendalam bukan sahaja kepada bahasa atau bahasa-bahasa yang terlibat, tetapi juga kepada kehidupan manusia.

Sikap berpontesi untuk berubah dan berkembang. Katz dan Scotland (1958) seperti yang dilaporkan oleh Mohd. Samsuddin (1992), menyatakan bahawa sikap berkembang dalam proses mengisi sesuatu keperluan.

Menurut Katz (1958) dalam Mohd. Samsuddin (1992), perkembangan sikap dapat dilihat dalam tiga tahap, iaitu:

1. Tahap '*Proximal*': Tahap ini adalah tahap pembentukan sikap yang terhasil daripada perhubungan antara objek sikap dengan sesuatu keadaan afektif yang berkaitan. Pada tahap ini, perasaan suka atau tidak suka kepada sesuatu berkait rapat dengan dorongan atau galakan yang diberikan kepada seseorang berhubung dengan sesuatu objek. Keadaan ini akan mempengaruhi sikap seseorang itu samada positif ataupun negatif terhadap sesuatu objek. Misalnya, dalam konteks pendidikan bahasa, jika guru bahasa selalu memberi dorongan atau galakan kepada pelajar-pelajarnya, mereka akan merasa suka kepada pelajaran itu. Keadaan ini akan membentuk sikap yang positif terhadap matapelajaran itu dan keadaan yang

sebaliknya akan berlaku jika tidak mendapat dorongan atau galakan yang sewajarnya daripada guru.

2. Tahap '*Object Instrumental*': Tahap ini memperlihatkan hubungan antara matlamat dengan sesuatu peristiwa atau objek yang menjadi alat dalam mencapai hasil atau matlamat. Misalnya seseorang yang telah berjaya menjadi penulis atau sasterawan mempunyai sikap yang positif terhadap matapelajaran bahasa Malaysia dan Sastera, walaupun mungkin dia tidak suka kepada guru yang mengajar matapelajaran-matapelajaran tersebut.
3. Tahap '*Ego Instrumental*': Tahap ini berkaitan dengan idea seseorang tentang apa dia hendak jadi atau tentang apa dia mahu orang lain anggap terhadap dirinya. Orang yang mahu menganggap dirinya sebagai seorang intelek akan menunjukkan sikap yang sewajarnya sebagai seorang intelektual.

Menurut Zulkifley, sikap terbina hasil daripada pengaruh sosial dan kadangkala boleh diwarnai dengan pelbagai emosi. Dua bentuk sikap yang amat penting dalam pembelajaran bahasa kedua ialah sikap terhadap bahasa yang hendak dipelajari dan sikap terhadap penutur-penutur bahasa yang hendak dipelajari. (Els et al.1984:19, dlm Zulkifley Hamid 1994)

Menurut Zulkifley lagi di antara faktor-faktor yang terlibat dalam menentukan sikap seseorang terhadap bahasa kedua yang dipelajari ialah faktor sejarah, agama dan sosiobudaya.

Berdasarkan kepada fakta sejarah, sikap negatif boleh wujud terhadap bahasa kedua yang didukung oleh bangsa yang pernah menjadi penjajah. Ini berlaku dalam konteks pelajar Melayu mempelajari bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua. Kajian yang dilakukan untuk mengetahui sikap mereka terhadap bahasa Inggeris mendapati bahawa pelajar-pelajar Melayu bersikap negatif terhadap bahasa Inggeris kerana bahasa itu didukung oleh bangsa Inggeris yang pernah menjajah tanah Melayu suatu ketika dahulu.

Tetapi dalam konteks pelajar Melayu mempelajari bahasa Sepanyol sebagai bahasa kedua atau sebagai bahasa asing, penyelidik berpendapat yang fakta sejarah tidak akan mendorong pelajar untuk bersikap negatif terhadap bahasa tersebut. Malah penyelidik berpandangan bahawa perkara yang sebaliknya pula akan berlaku iaitu fakta sejarah akan mendorong pelajar untuk bersikap positif terhadap bahasa Sepanyol. Penyelidik meramalkan ini berdasarkan kepada dua perkara berikut:

- 1) Bangsa Sepanyol tidak pernah menjajah tanah Melayu.

- 2) Sejarah mencatatkan bahawa Islam pernah bertapak dan mencipta kegemilangannya di bumi Sepanyol selama lebih 700 tahun. Sentimen keislaman yang wujud dalam catatan sejarah itu boleh menyuntik keinginan untuk mempelajari bahasa Sepanyol di kalangan pelajar-pelajar Melayu yang beragama Islam seterusnya mendorong mereka untuk bersikap positif terhadap bahasa tersebut.

Penyelidik juga meramalkan bahawa pelajar-pelajar Melayu tidak akan menjadikan agama sebagai alasan untuk bersikap negatif terhadap bahasa Sepanyol. Meskipun bahasa Sepanyol didukung oleh bangsa yang beragama Kristian tetapi pelajar-pelajar ini faham bahawasanya mempelajari dan menguasai bahasa itu bukan bererti mereka mempelajari dan menguasai agama Kristian. Malah kosa kata bahasa Arab yang meresap masuk dengan banyak ke dalam bahasa Sepanyol hasil daripada penjajahan Islam dahulu, boleh menambah minat mereka untuk mempelajari bahasa Sepanyol sekaligus membentuk sikap yang positif terhadap bahasa tersebut.

Berdasarkan kepada pelbagai pengertian dan huraian tentang sikap di atas, dapatlah dirumuskan bahawa sikap adalah satu proses mental yang bersifat fikiran, perasaan atau tanggapan terhadap sesuatu objek, aspek atau situasi yang boleh mendorong individu bertindak ke atas sesuatu objek, aspek atau situasi tertentu. Justeru itu, sikap adalah sesuatu yang abstrak kerana ia tidak dapat dilihat atau dirasa dengan pancaindera. Namun begitu,

sikap boleh dikesan melalui perlakuan seseorang itu dalam kehidupannya.
(Baharuddin Jabar, 1999:19)

2.7 Strategi Pembelajaran Bahasa

Oleh kerana bahasa kedua tidak diperolehi secara semulajadi (merujuk kepada pelajar dewasa dalam situasi pembelajaran formal) dan proses penguasaannya juga tidak semudah proses penguasaan bahasa pertama, maka untuk menguasainya seseorang itu perlu bersungguh dan mengatur strategi pembelajaran yang mantap dan berkesan.

Strategi pembelajaran bahasa sebenarnya melibatkan aspek perancangan, pemikiran, sikap, tingkahlaku dan tindakan pelajar yang spesifik semasa menjalani proses pembelajaran. Di samping itu ia juga berkait dengan pendekatan kurikulum sebagai landasan dalam melaksanakan sistem pembelajaran dan pengajaran bahasa dan peranan guru sebagai tenaga pengajar dan fasilitator yang mencetuskan situasi tertentu dan seterusnya membimbing pelajar ke sasaran tertentu dalam usaha menjayakan pengajaran dan pembelajaran bahasa.
(Anida, 2003)

Menurut Kamus Dewan (1994), strategi bermaksud rancangan yang teratur (yang memperhitungkan pelbagai faktor) untuk mencapai matlamat atau kejayaan.

Kamaruddin Hj. Husin (1994:30-31), mendefinisikan strategi sebagai satu perancangan atau satu operasi. Ia boleh juga diertikan sebagai satu aktiviti pengurusan atau kaedah yang digunakan untuk mencapai sesuatu matlamat. Dalam konteks pengajaran dan pembelajaran, istilah ini merujuk kepada satu set aksi pengajaran dan pembelajaran yang bertujuan mencapai matlamat yang diperlukan.

Definisi strategi pembelajaran bahasa menurut Tarone (1983:67) pula ialah,

'an attempt to develop linguistic and sociolinguistic competence in the target language to incorporate these into one's interlanguage competence'.

Menurut Tarone lagi, strategi pembelajaran bermotivasiikan keinginan untuk mempelajari bahasa sasaran. Strategi pembelajaran merangkumi aspek-aspek dalam pembelajaran bahasa seperti mengeja, menghafal atau mengulangi dengan tujuan mengingatkan struktur bahasa sasaran.

Strategi pembelajaran ialah tingkah laku atau pemikiran yang membantu dan memudahkan pembelajaran. (Weinstein dan Mayer, 1986, dalam Kalaivani, 1999)

O'Malley dan Chamot (1990:1) dalam Anida (2003), mendefinisikan strategi pembelajaran bahasa sebagai satu pemikiran atau tingkah laku khusus yang digunakan oleh individu untuk membantu mereka memahami, belajar atau menyimpan maklumat baru.

O'Malley et al. (1985), dalam Brown (2000:124) telah membahagikan strategi pembelajaran kepada tiga kategori utama seperti berikut:

- i. **Metakognitif**, iaitu istilah yang digunakan dalam teori pemprosesan maklumat untuk menunjukkan satu fungsi yang eksekutif, strategi yang melibatkan perancangan untuk pembelajaran, pemikiran tentang proses pembelajaran semasa ianya berlaku, mengawasi pengeluaran atau pemahaman seseorang, dan menilai pembelajaran setelah aktiviti selesai.
- ii. **Kognitif**, iaitu lebih terhad kepada tugas pembelajaran yang lebih khusus dan melibatkan penggunaan bahan pembelajaran secara lebih langsung.
- iii. **Sosioefektif**, merujuk kepada aktiviti pengantaraan sosial dan interaksi dengan orang lain.

Pecahan setiap kategori dan keterangan mengenainya secara terperinci dapat dilihat di dalam jadual di bawah:

Jadual 2.1. Strategi-Strategi Pembelajaran (O’Malley et al. 1985b:582-584, dlm Brown 2000:124)

| STRATEGI PEMBELAJARAN | KETERANGAN |
|------------------------------|--|
| Strategi Metakognitif | |
| Pengelola maju | Membuat previu mengenai konsep atau prinsip pengelolaan aktiviti yang telah dijangka secara umum tetapi menyeluruh |
| Perhatian Tertumpu | Telah memutuskan lebih awal untuk memberi perhatian secara am kepada tugas pembelajaran dan tidak mengendahkan gangguan yang tidak berkenaan |
| Perhatian bersifat memilih | Telah memutuskan lebih awal untuk memberi perhatian kepada aspek input bahasa yang tertentu atau perincian situasi yang akan menandakan penyimpanan atau penahanan input bahasa |
| Pengurusan kendiri | Memahami keadaan yang akan membantu seseorang mempelajari dan menyusun untuk adanya keadaan tersebut |
| Perancangan berfungsi | Merancang dan berlatih menggunakan komponen linguistik yang perlu untuk menyempurnakan tugasan bahasa yang mendatang |
| Pengawasan kendiri | Membetulkan percakapan seseorang berhubung ketepatan dari segi penyebutan, nahu, perbendaharaan kata, ataupun untuk kesesuaian kepada latar belakang tempat ataupun kepada mereka yang hadir |
| Penghasilan tertunda | Membuat keputusan secara sedar untuk menunda percakapan untuk belajar terlebih dahulu melalui pemahaman pendengaran |

| | |
|--------------------------|---|
| Penilaian kendiri | Memeriksa hasil pembelajaran bahasa seseorang bersandarkan ukuran dalam terhadap kelengkapan dan ketepatan bahasa |
| Strategi Kognitif | |
| Pengulangan | Meniru suatu model bahasa, termasuk latihan secara terbuka dan latihan secara senyap |
| Penggunaan sumber | Menggunakan bahan rujukan bahasa yang hendak dipelajari |
| Menterjemah | Menggunakan bahasa pertama sebagai landasan untuk memahami dan/atau menghasilkan bahasa kedua |
| Pengumpulan | Menyusun semula atau mengelas semula, dan mungkin melabel, bahan yang dipelajari berdasarkan sifat-sifat yang sama di antaranya |
| Pengambilan nota | Mencatit idea utama, perkara penting, rangka, atau rumusan informasi yang diberi secara lisan ataupun bertulis. |
| Deduksi | Secara sedar menggunakan peraturan untuk menghasilkan atau memahami bahasa kedua |
| Gabungan semula | Membina ayat yang bermaksud atau susunan bahasa yang lebih besar dengan menggabungkan unsur-unsur yang diketahui dengan cara yang baru |
| Gambaran | Menghubungkait informasi baru dengan konsep-konsep visual dalam ingatan melalui penggambaran, ungkapan, atau penempatan yang biasa diguna atau didengar yang mudah untuk didapati |
| Perwakilan pendengaran | Menyimpan bunyi atau bunyi yang hampir serupa dengan perkataan, ungkapan, atau susunan bahasa yang lebih panjang |
| Kata kunci | Mengingati perkataan baru dalam bahasa kedua melalui: (1) mengenalpasti perkataan dalam bahasa |

| | |
|------------------------------|--|
| | <p>pertama yang biasa yang berbunyi seperti ataupun menyerupai perkataan baru tersebut dan</p> <p>(2) menjana gambaran yang mudah diingati mengenai hubungan antara perkataan baru dengan perkataan yang biasa</p> |
| Kontekstualisasi | Meletak perkataan atau ungkapan di dalam susunan bahasa yang bermaksud |
| Penghuraian | Menghubungkait informasi baru dengan konsep-konsep lain di ingatan |
| Pemindahan | Menggunakan pengetahuan linguistik dan/atau pengetahuan konsep yang telah diperolehi terlebih dahulu untuk membantu pembelajaran bahasa yang baru |
| Penyimpulan | Menggunakan informasi yang ada untuk meneka maksud perkara baru, meramal kesudahan sesuatu, ataupun mengisi informasi yang hilang |
| Strategi Sosioefektif | |
| Kerjasama | Bekerja dengan satu atau lebih rakan untuk mendapatkan maklumbalas, mengumpul informasi, atau membentuk suatu aktiviti bahasa |
| Menyoal untuk penjelasan | Menyoal guru atau penutur natif yang lain untuk pengulangan, penjelasan, huraian, dan /atau contoh |

Sementara itu, Oxford (1992/1993:18) seperti yang dipetik dari Anida (2003), telah membuat huraian yang jelas dan terperinci mengenai strategi pembelajaran bahasa iaitu:

Proses tingkahlaku, langkah-langkah atau teknik yang digunakan pelajar (selalunya secara sengaja) untuk memperbaiki kemajuan mereka dalam membina kemahiran

bahasa kedua. Strategi ini boleh memudahkan penerimaan, penyimpanan, perolehan kembali atau penggunaan bahasa yang baru. Strategi adalah alat untuk membangkitkan penglibatan kendiri yang penting dalam membina kemampuan komunikatif. (dalam Anida, 2003)

Oxford (1990:17) telah membahagikan strategi pembelajaran bahasa kepada strategi secara langsung dan strategi secara tidak langsung. Strategi secara langsung terdiri daripada :

- 1) Strategi Memori yang terdiri daripada perkara-perkara berikut:
 - a. Penciptaan rantaian mental
 - b. Penggunaan imej dan bunyi
 - c. Pertimbangan yang baik
 - d. Pengendalian gerak kerja
- 2) Strategi Kognitif yang mengandungi unsur-unsur seperti:
 - a. Pelaziman
 - b. Penerimaan dan penghantaran mesej
 - c. Penganalisisan dan pertimbangan
 - d. Penghasilan struktur input dan output
- 3) Strategi Pampasan yang mempunyai dua komponen iaitu:
 - a. Penekaan secara intelektual

- b. Pengatasian had bertutur dan menuulis

Manakala strategi secara tidak langsung pula terdiri daripada:

- 1) Strategi Metakognitif yang mengandungi tiga unsur seperti berikut:
 - a. Pemusat pembelajaran
 - b. Penyusunan dan perancangan pembelajaran
 - c. Penilaian pembelajaran
- 2) Strategi Afektif yang terdiri daripada komponen-komponen seperti:
 - a. Pengurangan tahap kebimbangan
 - b. Galakan kendiri
 - c. Pengawalan suhu emosi
- 3) Strategi Sosial yang mengandungi unsur-unsur seperti;
 - a. Pengemukaan pertanyaan
 - b. Bekerjasama dengan orang lain
 - c. Empati dengan orang lain

Daripadauraian di atas, jelaslah bahawa strategi pembelajaran mempunyai pelbagai bentuk dan gaya yang boleh disesuaikan mengikut kehendak dan keperluan individu atau pelajar. Ia merupakan satu perancangan atau tindakan yang bukan sahaja diambil oleh pelajar, bahkan

juga oleh penggubal sistem dan pengajar untuk menjayakan sesuatu misi pengajaran dan pembelajaran.

2.8 Kajian-Kajian Terdahulu

Bahagian ini akan membincangkan beberapa kajian terdahulu yang berkaitan dengan kata ganti nama, sikap, strategi dan masalah, yang telah dijalankan oleh pengkaji-pengkaji di dalam dan luar negara.

2.8.1 Kajian Mengenai Kata Ganti Nama

Di Malaysia beberapa orang pengkaji telah menjalankan kajian mengenai kata ganti nama di dalam pelbagai bahasa.

Tuan Rashid Bin Tuan Mat (2000) telah menjalankan kajian mengenai kata ganti nama bahasa Arab. Beliau menjalankan kajiannya di Sekolah Menengah Kebangsaan Wataniah, Machang untuk mengetahui sejauh manakah penguasaan pelajar-pelajar sekolah menengah kebangsaan agama terhadap kata ganti nama bahasa Arab. Beliau memfokuskan kajiannya terhadap pelajar-pelajar tingkatan lima di sekolah berkenaan.

Tesisnya yang bertajuk “Penguasaan kata ganti nama bahasa Arab di kalangan pelajar-pelajar sekolah menengah kebangsaan agama” antara lain memuatkan objektif-objektif kajian beliau iaitu:

- a. Untuk mengenal pasti tahap penguasaan pelajar-pelajar terhadap kata ganti nama.
- b. Mengenal pasti keberkesanan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab.
- c. Mengenal pasti kemampuan pelajar dalam memahami kaedah pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab yang digunakan.
- d. Menyusun dan mengemaskini langkah-langkah, cara-cara dan corak pengajaran dan pembelajaran yang sesuai bagi memudahkan dan mempercepatkan pelajar-pelajar memahami dan menguasai kata ganti nama bahasa Arab ini.

Dari kajiannya itu, beliau merumuskan bahawa terdapat beberapa aspek kata ganti nama bahasa Arab yang tidak dapat dikuasai oleh pelajar-pelajar dengan baik dan kegagalan menguasainya disebabkan oleh pelbagai faktor.

Seorang lagi pengkaji yang telah menjalankan kajian mengenai kata ganti nama dalam bahasa Arab adalah saudari Manisah Mohd Nor (2000). Manisah menggunakan istilah ‘al-damair’ sebagai merujuk kepada kata

ganti nama. Menerusi kajiannya, beliau cuba menyelongkar beberapa perkara seperti; kepentingan ‘al-damair’ dalam bahasa Arab, kesalahan yang sering dilakukan oleh pelajar-pelajar Melayu dalam penggunaannya dan faktor-faktor penyebab, penekanan guru-guru terhadap aspek ‘al-damair’ serta keupayaan latar belakang pendidikan mereka sebagai pengajar bahasa Arab. Menggunakan metod pemerhatian, soal selidik dan analisis kesilapan, hasilnya beliau mendapati bahawa tahap penguasaan ‘al-damair’ oleh pelajar-pelajar Melayu di tiga buah sekolah yang dikaji, secara keseluruhannya adalah lemah.

Dua faktor utama yang telah dikenalpasti sebagai penyebab kepada kelemahan itu iaitu faktor-faktor dalaman dan faktor-faktor luaran seperti sikap pelajar, pengaruh bahasa ibunda, sikap guru-guru, faktor persekitaran iaitu masyarakat dan sekolah serta faktor media. Akhir sekali, beliau menyeru agar semua pihak bertangungjawab dan berganding bahu dalam mencari penyelesaian yang paling mantap dan berkesan.

Selain daripada bahasa Arab, aspek kata ganti nama dalam beberapa bahasa lain juga turut dikaji. Antaranya ialah bahasa Iban, bahasa Melayu, bahasa Cina dan bahasa Perancis.

Pada tahun 1999, Norliza bte Amin telah membuat penyelidikan tentang penggunaan kata ganti nama diri dan kata panggilan dalam bahasa

Iban. Beliau banyak merujuk kajian-kajian yang telah dilakukan oleh Asmah Hj. Omar sebelumnya. Salah satu jadual yang diambil dari Asmah Hj. Omar: 1969 berkenaan kata ganti nama bahasa Iban telah dikemukakan dalam tesis beliau di mukasurat 10, seperti di bawah:

Jadual 2.2: Kata Ganti Nama Iban.(Asmah Hj. Omar:1969)

| Diri | Tunggal | Duaan | Jamak |
|---------|-------------|---------------------------|-------------------------------------|
| Pertama | Aku | Tua | Kami (tidak dimasukkan orang kedua) |
| Kedua | Dek Nuan | Dek seduai Nuan seduai | Kita |
| Ketiga | Ya Iya | Seduai | Sida Sida ya Bala sida |

Antara yang menarik dalam penemuan beliau adalah kata ganti nama diri seduai bukan sekadar menjalankan fungsinya dari segi sintaksis bahkan juga sematik. Dalam hal ini, seduai selain daripada bertindak sebagai ganti nama diri kedua dan ketiga untuk bentuk duaan tetapi juga menjadi kata penghubung yang menghubungkan antara dua frasa nama.

Selain daripada itu, beliau mendapati bahawa hanya ganti nama kedua tunggal iaitu nuan dan ganti nama diri kedua duaan nuan seduai yang mempunyai bentuk halus. Ganti nama diri kategori lain biarpun berbentuk kasar tetapi mempunyai fungsi hormat dan intim.

Saudari Norliza juga membuat kajian tentang sistem kata panggilan dalam bahasa Iban. Berdasarkan kepada analisis yang telah dibuat, beliau merumuskan bahawa sistem kata panggilan dalam bahasa Iban mempunyai kategori yang tersendiri dan penggunaannya juga tidak kompleks dan terdapat pengaruh bahasa Melayu.

Selain daripada kajian yang berbentuk pemerhatian dan soal selidik, kajian-kajian yang berbentuk analisis perbandingan (kontrastif) dan analisis kesilapan berkenaan kata ganti nama juga telah dijalankan oleh para sarjana.

Roshidah Hassan telah menjalankan kajian perbandingan iaitu analisis kontrastif kata ganti nama diri bahasa Melayu dan bahasa Perancis. Menurut beliau, aspek kata ganti nama diri difokuskan kerana ia penting dalam perhubungan sosial dan harus difahami oleh pelajar bahasa sebelum dapat berkomunikasi dengan berkesan. Beliau membataskan kajian hanya kepada sistem kata ganti nama diri dalam kala kini sahaja agar kajian dapat dijalankan dengan lebih tertumpu dan tepat. Selain daripada itu, beliau juga menumpukan kepada ayat-ayat penyata dan ayat tanya. Analisis dilakukan

dengan hanya merujuk kepada bentuk-bentuk kata ganti nama diri yang terdapat dalam bahasa standard kedua-dua bahasa tanpa menyentuh kata ganti nama diri yang terdapat dalam mana-mana dialek dalam kedua-kedua bahasa tersebut. Antara tujuan kajian beliau adalah:

- i. Membandingkan penggunaan kata ganti nama diri dalam bahasa Melayu dan bahasa Perancis supaya dapat memberi manfaat yang besar kepada proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Perancis.
- ii. Untuk mendapat gambaran tentang masalah yang timbul dalam pengajaran bahasa Perancis kepada pelajar Melayu, terutamanya dari aspek kata ganti nama diri dan mencari jalan untuk mengatasi agar mutu pengajaran bahasa Perancis dapat ditingkatkan.
- iii. Kajian yang bersifat peka konteks bertujuan untuk menunjukkan pola-pola kata ganti nama diri yang digunakan dalam bentuk ayat agar dapat membantu para pelajar mengatasi masalah kekaburuan penggunaan kata ganti nama diri dalam interaksi mereka.
- iv. Mengurangkan jurang perselisihan antara budaya (*cross-culture*) dalam penggunaan kata ganti nama diri dalam hubungan sosial.

Berdasarkan kajian itu, antara lain beliau merumuskan bahawa kesulitan dalam mempelajari bahasa Perancis oleh pelajar-pelajar Melayu adalah berpunca dari wujudnya perbezaan antara bahasa Perancis dan

bahasa Melayu. Semakin besar perbezaan antara kedua-duanya, semakin besar masalah yang dihadapi oleh pelajar-pelajar.

Satu lagi kajian berkaitan kata ganti nama diri telah dilakukan oleh Lai Siew Yoon iaitu kajian tentang analisis kesilapan kata ganti nama diri bahasa Melayu di kalangan pelajar Cina.

Lai mendapati bahawa pelajar-pelajar Cina yang berasal dari Sekolah Rendah Jenis kebangsaan Cina mengalami satu peringkat peralihan bahasa perantaraan bahasa dari bahasa Cina ke bahasa Melayu apabila mereka baru masuk ke alam sekolah menengah kebangsaan. Bagi mereka, bahasa Melayu merupakan bahasa kedua. Dalam peringkat peralihan ini, mereka akan menghadapi pelbagai masalah dan kerumitan dalam proses pembelajarannya.

Antara masalah paling ketara ialah penggunaan kata ganti nama diri. Menurut Lai, kesilapan-kesilapan yang biasa dilakukan oleh mereka ialah kesilapan pemilihan kata ganti nama, ketinggalan kata ganti nama dan kesilapan penyusunan kata.

Berdasarkan kepada penganalisisan beliau terhadap dua tajuk karangan “Kawan Saya” dan “Keluarga Saya”, dari 60 buah karangan yang telah dikutip dari 30 orang subjek, beliau merumuskan bahawa kesilapan-

kesilapan yang telah dilakukan oleh pelajar-pelajar dalam karangan mereka menggambarkan ciri-ciri umum semasa mempelajari peraturan bahasa seperti kesilapan membuat generalisasi, tidak dapat mengaplikasikan peraturan dan kegagalan mempelajari syarat-syarat tertentu berdasarkan peraturan-peraturan yang digunakan.

Di samping kajian-kajian yang telah disebutkan di atas, penulis juga ingin mengemukakan kajian-kajian berkaitan kata ganti nama bahasa Sepanyol yang telah dilakukan oleh penyelidik-penyalidik di luar negara.

Salah satunya ialah kajian yang telah dilakukan oleh Miranda di Berlin pada tahun 2001, berkenaan kata ganti nama, kuasa dan solidariti. Miranda telah menumpukan kepada kata ganti nama orang pertama jamak iaitu '*nosotros*' dalam bahasa Sepanyol.

Berdasarkan teori kesopanan dalam rangka kerja sosiolinguistik internasional, Miranda cuba menyelidik tentang tanggapan-tanggapan ekstra linguistik yang timbul apabila penutur-penutur mengekplotasikan kata ganti nama '*nosotros*'. Menurut Miranda, ada kemungkinan kata ganti nama '*nosotros*' digunakan untuk tujuan-tujuan tertentu. Menurut beliau lagi, kajian ini mendedahkan potensi '*nosotros*' untuk digunakan oleh penutur sebagai menunjuk kuasa.

Kajian yang dilakukan oleh Miranda hanya menumpukan kepada penggunaan kata ganti nama pertama jamak iaitu '*nosotros*' sahaja. Apa yang ingin didedahkan dari kajian beliau ialah di sebalik penggunaan '*nosotros*' secara eksplisit iaitu kata ganti nama yang merujuk kepada orang pertama jamak, '*nosotros*' juga digunakan secara implisit iaitu sebagai lambang kuasa dan status. Penyelidik dan Miranda sama-sama mengkaji tentang kata ganti nama bahasa Sepanyol. Apa yang berbeza ialah penyelidik mengkaji kata ganti nama diri bahasa Sepanyol berdasarkan penguasaan pelajar dalam lima aspek yang diteliti. Manakala Miranda mengkaji penggunaan '*nosotros*' sahaja dengan mengaitkannya dengan kuasa dan solidariti. Dengan kata lain, penyelidik mengkajinya dari sudut pembelajaran dan pengajaran manakala Miranda dari aspek pragmatik dan sosiolinguistik.

Di samping itu, Flores (2002) di dalam kajiannya yang bertajuk '*Subject Personal Pronouns in Spanish Narratives of Puerto Ricans in New York City : A Variationist Study*', telah mengkaji tentang perbezaan penggunaan kata ganti nama diri subjek dalam bahasa Sepanyol di wilayah-wilayah Puerto Rican di Bandaraya New York, dan membandingkan dapatan kajiannya dengan kajian yang telah dilakukan sebelumnya di San Juan.

Nieuwenhuijsen (2002) telah menjalankan kajian berkenaan perbezaan posisi kata ganti nama tanpa tekanan yang terdapat dalam bahasa Sepanyol lama. Pada tahun yang sama, Torres Cacoullos telah melakukan kajian tentang penggunaan ‘*le*’ yang bersifat sinkronik dalam bahasa Sepanyol Mexico yang berbeza daripada fungsinya sebagai kata ganti nama objek.

Ordonez, Francesco, Olarrea, Antxon (2001) telah menyelidik tentang kata ganti nama subjek di dalam kajian mereka yang bertajuk ‘*Weak Subject Pronouns in Caribbean Spanish and XP Pied-Piping*’. Manakala dalam tahun 1999, Garita Hernandez telah menjalankan kajian berkenaan tanda jamak dalam kata ganti nama diri ‘*lo*’ dan ‘*le*’.

2.8.2 Kajian Mengenai Sikap

Di Malaysia, kajian mengenai sikap terhadap pembelajaran telah banyak dijalankan oleh para penyelidik tempatan. Kebanyakan kajian menumpukan kepada sikap pelajar terhadap bahasa Inggeris dan mata pelajaran tertentu seperti matematik, sains, sejarah dan lain-lain lagi. Namun, belum ada pengkaji yang menjalankan kajian mengenai sikap pelajar terhadap mata pelajaran bahasa asing seperti Sepanyol, Jerman, Perancis dan lain-lain lagi.

Kajian mengenai sikap pelajar terhadap bahasa Inggeris telah dijalankan oleh beberapa sarjana untuk melihat kolerasi di antara sikap dan pencapaian pelajar di dalam mata pelajaran tersebut. Chow (2001), telah menjalankan kajian ke atas pelajar-pelajar Melayu dan Cina di Universiti Malaya untuk melihat samada dua boleh ubah iaitu bangsa dan jantina mempengaruhi sikap mereka terhadap bahasa Inggeris. Hasil kajian menunjukkan bahawa pada keseluruhannya boleh ubah bangsa mempengaruhi sikap pelajar terhadap bahasa Inggeris. Manakala boleh ubah jantina didapati kurang mempengaruhi sikap pelajar terhadap bahasa tersebut.

Nurhizan (1995) menjalankan kajian ke atas 140 orang pelajar tingkatan dua di daerah Kuala Terengganu. Kajian ini bertujuan untuk melihat sikap pelajar terhadap pembelajaran bahasa Inggeris dan pertaliannya dengan pencapaian bahasa Inggeris tingkatan dua. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara sikap terhadap pembelajaran bahasa Inggeris dengan pencapaian bahasa Inggeris tingkatan dua. Dapatan lain kajian berkenaan ialah pelajar mempunyai kesedaran bahawa bahasa Inggeris merupakan satu mata pelajaran yang penting.

Fuziah (2002) dalam kajian mengenai sikap dan pencapaian pelajar-pelajar sekolah menengah dalam mata pelajaran bahasa Inggeris mendapati

bahawa terdapat pertalian yang rapat antara penggunaan lagu-lagu pop Inggeris sebagai alat bantu mengajar dengan sikap pelajar terhadap pembelajaran bahasa Inggeris. Pelajar-pelajar didapati lebih bersikap positif terhadap pembelajaran bahasa Inggeris yang menggunakan lagu-lagu pop. Kajian ini membuktikan bahawa lagu-lagu pop boleh digunakan sebagai alat untuk meransang para pelajar untuk bersikap positif terhadap pembelajaran bahasa Inggeris.

Kajian mengenai sikap terhadap mata pelajaran bahasa Malaysia pula, telah dijalankan oleh Mohd. Samsuddin (1992). Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat pertalian yang signifikan antara sikap pelajar terhadap mata pelajaran bahasa Malaysia dengan pencapaian mereka di dalam mata pelajaran tersebut.

Kajian lain berhubung sikap telah dijalankan oleh Baharuddin (1999) ke atas 187 orang pelajar aliran sains tingkatan empat di tiga buah sekolah menengah di Daerah Hilir Perak, Perak. Kajian ini bertujuan untuk melihat hubungan antara beberapa pemboleh ubah dengan sikap pelajar aliran sains tingkatan empat terhadap mata pelajaran Sejarah. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara jantina, pencapaian mata pelajaran Sejarah dalam peperiksaan akhir tahun tingkatan empat dan pekerjaan bapa atau penjaga pelajar dengan sikap pelajar aliran sains tingkatan empat terhadap mata pelajaran Sejarah.

Selain daripada pengkaji tempatan, pengkaji-pengkaji luar negara juga ada menjalankan kajian mengenai sikap dan pembelajaran di negara ini. Hassan Mohamad Doka (2000) menjalankan kajian berhubung dengan sikap pelajar terhadap mata pelajaran bahasa Arab; dan pertaliannya dengan pencapaian. Sampel kajian terdiri daripada 311 orang pelajar matrikulasi yang sedang menuntut di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Data dianalisis menggunakan kaedah SPSS 7.5.

Dapatan kajian memperlihatkan bahawa sikap pelajar Melayu terhadap bahasa asing, faktor motivasi integratif dan perasaan bimbang merupakan petunjuk yang lemah ke atas tahap penguasaan bahasa Arab. Keinginan untuk mempelajari bahasa Arab serta motivasi integratif pula adalah unjuran petunjuk yang sederhana untuk dijadikan ukuran kecekapan tahap pencapaian bahasa Arab. Didapati juga bahawa motivasi pelajar bukanlah merupakan unjuran yang baik untuk mengukur tahap kecekapan mereka. Keputusan ujian dan peperiksaan bahasa Arab menunjukkan bahawa pelajar perempuan memperolehi markah yang lebih baik dan cemerlang.

Dalam kajian yang lain, Ibtisam Mahmoud Hassan Ali (1999) mendapati bahawa sikap pelajar mempunyai hubungan dengan pencapaian. Beliau menjalankan kajian ke atas 329 orang pelajar yang mendaftar dalam program-program di mana bahasa Arab menjadi bahasa pengantar utama

atau kedua di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, bertujuan untuk melihat sikap pelajar terhadap bahasa Arab. Data dianalisis menggunakan statistik deskriptif dan inferential. Hasil kajian antaranya menunjukkan bahawa:

1. Pelajar secara keseluruhannya mempunyai sikap yang positif terhadap bahasa Arab.
2. Terdapat satu jurang perbezaan di antara sikap ideal dengan pertimbangan sebenar.
3. Pelajar menunjukkan sikap yang sederhana terhadap pensyarah, gaya pengajaran dan pembelajaran, dan bahan pengajaran.
4. Tidak terdapat kolerasi di antara sikap terhadap bahasa Arab dengan pencapaian dalam kursus yang menggunakan bahasa Arab sebagai bahasa pengantar.
5. Terdapat kolerasi yang positif dan tinggi di antara sikap pelajar terhadap bahasa Arab dengan sikap mereka terhadap bahasa Arab sebagai pengantar.

Sementara itu, kajian-kajian dan penyelidikan berhubung dengan aspek sikap dan pencapaian dalam berbagai lapangan akademik telah banyak dijalankan oleh pengkaji-pengkaji di luar negara. Kajian-kajian ini melibatkan semua peringkat pendidikan, iaitu dari peringkat rendah hingga ke peringkat pengajian tinggi.

Kajian awal berhubung dengan sikap pelajar terhadap pelajaran telah lakukan oleh Sullivan (1927). Hasil kajian beliau menunjukkan bahawa memainkan peranan yang penting dalam mempengaruhi pembelajaran ar. Kajian ini juga mendapati faktor kecerdasan turut mempengaruhi apaian pelajar.

Mohd Samsuddin (1992), melaporkan bahawa Duthworth dan stle (1974) telah menjalankan kajian ke atas 600 orang pelajar atan II hingga pelajar tingakatan V di sekolah ‘*Grammer School*’ di ar Lencashire, Great Britain. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pat pertalian yang rendah antara sikap pelajar tingkatan II dengan apaian mereka, tetapi pertalian ini adalah signifikan. Bagi pelajar atan V pula, korelasinya adalah tinggi. Secara keseluruhannya kajian endapati bahawa sikap pelajar mempunyai pertalian yang rapat dengan apaian dan signifikan ($p<0.01$).

Oller et.al (1978) seperti yang dilaporkan oleh Samsuddin (1992), menjalankan kajian ke atas pelajar-pelajar China yang belajar di ersiti Amerika Syarikat. Hasil kajian menunjukkan:

Terdapat kolerasi yang signifikan antara kecekapan bahasa Inggeris dengan sikap subjek terhadap diri sendiri, terhadap penutur bahasa Cina dan terhadap bangsa Amerika.

2. Secara umumnya sikap terhadap penutur jati Cina mempunyai pertalian dengan pencapaian yang tinggi dalam bahasa Inggeris.
3. Semakin positif sikap terhadap bangsa Amerika, semakin tinggi pula markah yang diperolehi.

Selain daripada itu, dapatan dalam kajian Myers dan Fouts (1992) pula menunjukkan bahawa pelajar di kelas yang mempunyai penglibatan pelajar yang tinggi, sokongan guru yang tinggi dan pengajaran guru yang inovatif, didapati bersikap lebih positif terhadap mata pelajaran sains.

Berdasarkan kepada dapatan yang diperolehi dari kajian-kajian yang telah dijalankan di atas, dapat disimpulkan bahawa sikap adalah antara faktor penting yang menentukan kejayaan dalam pembelajaran, dan kebanyakan hasil kajian menunjukkan bahawa sikap mempunyai hubungan yang rapat dengan pencapaian.

2.8.3 Kajian Mengenai Strategi Pembelajaran

Pelajar yang menggunakan lebih banyak strategi pembelajaran bahasa dikatakan akan lebih berjaya berbanding dengan pelajar yang kurang menggunakan strategi. Hipotesis seperti ini menjadi popular dan sering dikemukakan oleh para sarjana yang mengkaji mengenai strategi

pembelajaran semasa menghubungkannya dengan pencapaian para pelajar di dalam bahasa kedua atau bahasa asing.

Wenden (1985:7) menyatakan bahawa:

'unsuccessful learner's inability to learn is due to their not having an appropriate repertoire of learning strategies and that ineffective learners are inactive learners'.

Anida (2003) menerusi kajiannya yang bertajuk 'Strategi Pembelajaran Bahasa Arab di kalangan Pelajar Melayu' mendapati bahawa subjek yang tidak menggunakan strategi didapati tidak mampu menguasai bahasa Arab, tidak tahu cara belajar dengan berkesan, kurang berminat, kecewa akibat kesukaran pembelajaran yang dihadapi serta tidak jelas tujuan dan faedah mempelajari bahasa Arab. Sebaliknya subjek yang paling kerap menggunakan strategi pula didapati lebih berminat dan berkeyakinan untuk mempelajari dan mempraktikkan bahasa Arab, bijak mengorganisasi pembelajaran, aktif dalam latihan dan aktiviti yang dijalankan, kreatif dalam memanfaatkan jenis strategi yang sesuai untuk mengatasi kesukaran pembelajaran dan lebih cemerlang dalam pencapaian peperiksaannya walaupun sebelum kajian, mereka menghadapi banyak kekangan pembelajaran berbanding subjek lain. Seterusnya beliau menyimpulkan bahawa strategi pembelajaran bahasa Arab membantu pelajar menguasai

bahasa Arab dengan lebih berkesan, seronok, bersepadu, menarik, mudah dan cepat.

Kajian berhubung dengan strategi pembelajaran juga dilakukan untuk mengenal pasti strategi yang digunakan dalam pembelajaran Geografi. Kalaivani (1999) telah menjalankan kajian mengenai gaya dan strategi pembelajaran untuk mengenal pasti perbezaan gaya dan strategi pembelajaran yang digunakan oleh pelajar yang berpencapaian tinggi dan pelajar berpencapaian rendah dalam mata pelajaran Geografi. Hasil kajian menunjukkan bahawa pelajar yang menggunakan gaya dan strategi pembelajaran strategik lebih cemerlang di dalam subjek Geografi berbanding pelajar yang menggunakan gaya dan strategi pembelajaran cetek.

Sementara itu, di Barat kajian mengenai strategi pembelajaran bahasa telah banyak dijalankan oleh para sarjana yang meliputi pelajar-pelajar pelbagai bahasa di seluruh dunia seperti bahasa Inggeris, Perancis, Sepanyol, Jerman dan lain-lain lagi.

Politzer (1983) dalam Anida (2003), telah melakukan kajian ke atas 90 orang pelajar ijazah pertama yang mempelajari bahasa Perancis, bahasa Sepanyol dan bahasa Jerman sebagai bahasa asing di Universiti Stanford untuk melihat perkaitan antara tingkah laku pembelajaran secara umum,

ih laku dalam kelas dan tingkah laku semasa berinteraksi, dengan pilihan bahasa asing.

Anida (2003), juga melaporkan bahawa kajian yang telah dijalankan Cohen dan Aphek (1980:221) dan (1981:221) ke atas sekumpulan murid Baitulmaqdis mempelajari bahasa Hebrew sebagai bahasa asing di Baitulmaqdis menunjukkan bahawa item leksikal baru dapat dilakukan kembali dengan jayanya oleh pelajar yang mempraktikkan beberapa strategi berbanding dengan pelajar yang tidak menggunakan apa-apa strategi.

Oxford dan rakan-rakannya (Ehrman dan Oxford, 1989:1; Oxford Jhr. 291; Oxford, Nyikos dan Ehrman, 1988:321) telah menjalankan kajian berdasarkan kepada '*Strategic Inventory for Language Learning*'. Hasil kajian menunjukkan bahawa motivasi, jantina dan peranan penguasaan dalaman individu amat memberi kesan terhadap pilihan strategi pembelajaran bahasa. Pemilihan strategi juga dipengaruhi oleh latar budaya, usia, tujuan belajar bahasa, pengalaman pembelajaran sebelumnya yang lepas, psikologi, tempoh pembelajaran dan bidang akademik.

Kajian yang dilakukan juga membuktikan bahawa strategi pembelajaran pelajar yang berbeza-beza mempengaruhi 'outcome' pelajar yang berbeza-beza. Misalnya kajian yang dilakukan oleh Saljo (1975)

yang dilaporkan oleh Kalaivani (1999) ke atas 40 orang pelajar yang i sampel kajian, mendapati bahawa pelajar-pelajar telah inakan strategi pembelajaran yang berbeza-beza yang menghasilkan 'ne' yang berbeza-beza.

Kajian yang dijalankan oleh Chamot, Kupper dan Imprik-idez (1988 a,b) pula mendapati bahawa pelajar yang berjaya dalam iik menggunakan pelbagai strategi pembelajaran yang terdiri a strategi metakognitif, kognitif dan afektif. Sebaliknya, pelajar yang berjaya menggunakan sedikit sahaja daripada strategi-strategi t. Malah, mereka seringkali menggunakan strategi yang tidak an untuk melaksanakan tugas, latihan dan pembelajaran mereka.

Pada tahun 1994, satu kajian telah dijalankan oleh NAEP (*National Assessment of Educational Progress*) untuk melihat tabiat dan strategi ajaran dalam mata pelajaran Geografi dan Sejarah dan hubungannya ike pencapaian pelajar. Secara keseluruhannya hasil kajian ukkan bahawa terdapat hubungan yang positif antara pencapaian iik pelajar yang baik dengan tabiat dan strategi pelajar yang baik. Ini na bahawa pelajar yang menggunakan strategi pembelajaran yang telah menunjukkan pencapaian akademik yang memberangsangkan.

Berdasarkan huraian di atas, jelas bahawa strategi memainkan peranan yang penting di dalam pembelajaran kerana rata-rata kajian yang dilakukan menunjukkan bahawa pelajar yang menggunakan lebih banyak lagi lebih berjaya di dalam pembelajaran mereka berbanding pelajar yang kurang atau tidak menggunakan apa-apa strategi.

Kajian Mengenai Masalah Pembelajaran

Terdapat banyak kajian berhubung dengan masalah pelajar yang dilakukan oleh para pengkaji di dalam dan luar negara. Norhayuza (2000) telah menjalankan kajian berkenaan dengan masalah ingatan lapan puluh lima orang pelajar bahasa Arab di Universiti Teknologi Mara, Malaysia. Dapatan kajian beliau menunjukkan bahawa wujud masalah ini di kalangan pelajar yang dikaji dan kebanyakannya pelajar yang masih sampel kajian mengalami kemerosotan ingatan selepas tempoh dua minggu.

Jayanthi (2000) pula, telah menjalankan kajian ke atas guru-guru bahasa Inggeris (*English as a Second Language*) di Maktab Perguruan Batu Pahat, Johor. Kajian beliau bertujuan untuk mengenal pasti masalah-masalah yang dihadapi oleh guru-guru pelatih bahasa Inggeris ketika membaca teks bahasa Inggeris dan hubungannya dengan strategi-strategi pembacaan yang digunakan, persepsi dan sikap mereka, status sosio-

mi (SES) dan latar belakang akademik. Hasil kajian menunjukkan ada terdapat pengaruh SES ke atas kecekapan, penggunaan strategi mcaan yang tidak berkesan, kurang penggunaan bahasa Inggeris dan lain lagi.

Kajian mengenai masalah pelajar seterusnya dijalankan oleh Hadi (1999). Beliau telah menjalankan kajian ke atas 30 orang pelajar lelaki yang mengambil kursus LCCI (*The London Chamber of Commerce Industries*) di Institut Profesional Baitulmal. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pada keseluruhannya pelajar lelaki dan perempuan banyak menghadapi masalah berkaitan akademik berbanding masalah peribadi. Antara lain, kajian ini juga mendapati bahawa tiada perbezaan yang ketara di antara pelajar-pelajar lelaki dan perempuan di dalam perbandingan jenis dan kekerapan masalah yang dikaji.

Kajian yang berikutnya oleh Abdul Hadi (1998) ke atas 100 orang pelajar Institut Teknologi Mara untuk mengenal pasti masalah dalam komunikasi dan pembelajaran bahasa Arab komunikasi di institut tersebut. Selain itu, beliau telah mengemukakan pelbagai cadangan untuk mengatasi masalah-masalah tersebut.

Di Barat, Pope (1943) adalah antara sarjana terawal yang melakukan kerja berkaitan dengan masalah pelajar-pelajar sekolah menengah. Beliau

menjalankan kajian ke atas 1,904 orang pelajar sekolah menengah berusia antara 15 hingga 18 tahun. Hasil kajian menunjukkan bahawa masalah utama yang dihadapi oleh pelajar-pelajar sekolah menengah ialah masalah menyesuaikan diri dengan guru-guru. Di samping itu, beberapa masalah lain seperti masalah memilih kerjaya, kewangan dan rakan sebaya mencatat peratusan yang tinggi.

Dapatan kajian yang dijalankan juga menunjukkan bahawa pelajar lelaki dan pelajar perempuan menghadapi masalah yang berbeza. Brand dalam kajiannya ke atas 7,000 orang pelajar mendapati bahawa 25% lelaki menghadapi masalah berkaitan pelajaran seperti kelas yang bosankan, tidak dapat belajar dengan baik dan lemah dalam aspek baharaan kata. Manakala 25% daripada pelajar perempuan pula menghadapi masalah emosi dan peribadi seperti perasaan takut, gemar nyal dan gagal mengawal perasaan marah.

Kajian yang serupa telah dilakukan oleh Lewis (1949) ke atas 339 pelajar lelaki dan 362 orang pelajar perempuan di sebuah sekolah agah. Masalah telah dipecahkan kepada tujuh bahagian iaitu masalah fizikal, rumah tangga, sosial, masa depan, kewangan, agama dan kesihatan. Kajian menunjukkan bahawa jenis masalah yang dihadapi oleh jantina berbeza adalah berbeza. Didapati bahawa pelajar perempuan

adapi masalah sosial, rumah tangga dan sekolah dua kali ganda hi pelajar lelaki.

Morris (1954) pula, menjalankan kajian ke atas 500 orang pelajar berumur antara 14 hingga 18 tahun di Lewis Country, New York. Kajian menunjukkan bahawa masalah yang paling banyak dihadapi pelajar ialah masalah yang berhubung dengan kerja-kerja sekolah, sementara masalah yang paling sedikit dihadapi ialah masalah agama, moral keluargaan.

Kajian berikutnya mengenai masalah telah dikaji oleh DeSena . Beliau telah menjalankan kajian ke atas 330 orang pelajar unakan soal selidik Mooney. Kajian beliau khusus untuk mengenal masalah-masalah yang dihadapi oleh pelajar-pelajar kolej. Hasil kajian jukkan bahawa kebanyakan pelajar menghadapi masalah untuk suaikan diri dengan tugas-tugas kolej, kegiatan rekreasi sosial dan berkaitan pendidikan dan vokasional.

Seterusnya, Cole dan Hall (1970) telah mengumpul data kajian yang berkaitan dengan masalah remaja dari tahun 1957 hingga tahun 1970. Hasil analisis ke atas data yang dikumpul itu menunjukkan bahawa ia lima masalah utama yang dihadapi oleh pelajar mengikut urutan

pan tertinggi iaitu; masalah berkaitan pembelajaran, peribadi dan sosial, psikologi-sosial, kewangan dan kesihatan.

Berdasarkan kepada laporan di atas, jelas bahawa masalah dan lajaran adalah dua perkara yang tidak dapat dipisahkan. Dalam proses lajaran, masalah, tidak kira dalam apa jua bentuknya akan sentiasa ia merupakan halangan dan cabaran yang mesti ditempuh dengan bijaksana sebelum seseorang itu mencapai kejayaan. Masalah rnya menyedarkan semua bahawa untuk berjaya seseorang itu perlu i keras, mempunyai sikap yang positif, bermotivasi dan bijak tur strategi.

Kesimpulan

Berdasarkan kepada tinjauan yang telah dijalankan oleh penyelidik s kajian-kajian yang berkaitan, dapat disimpulkan bahawa proses lajaran dan penguasaan bahasa kedua agak berbeza dengan proses pemerolehan bahasa pertama. Pembelajaran dan penguasaan bahasa kedua i dalam situasi formal dan terancang, manakala pemerolehan bahasa a berlaku secara semulajadi.

Sementara itu, kejayaan menguasai bahasa kedua dengan baik kan oleh banyak faktor seperti sikap, motivasi dan strategi serta

ah yang wujud dalam pembelajaran dan pengajaran. Dapatan daripada yakna kajian pula menunjukkan bahawa hanya mereka yang bersikap *fit*, bermotivasi tinggi, pandai mengatur strategi dan bijak *selesaikan masalah sahaja yang akan mengecapi kejayaan.*